

16 MAR 2002
Cuepacs-Guru

CUTI REHAT TAHUNAN GURU TIDAK PERNAH DIBINCANGKAN, KATA CUEPACS

DUNGUN, 16 Mac (Bernama) -- Cuepacs hari ini mendakwa cadangan melaksanakan cuti rehat tahunan kepada guru-guru sekolah tidak pernah dibincangkan sama ada di peringkat Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau badan itu.

Presidennya, Datuk N Siva Subramaniam berkata JPA sendiri juga telah mengesahkan bahawa tidak ada cadangan untuk menghapuskan cuti penggal dan digantikan dengan cuti tahunan sebagaimana yang dilaporkan sebelum ini.

"Tidak ada sedikit pun cadangan untuk mengurang atau menghapuskan kepentingan guru termasuk menggantikan sistem cuti yang ada...kita hairan bagaimana ia boleh dibangkitkan," katanya kepada pemberita semasa menghadiri satu majlis dialog dengan guru-guru di sini hari ini.

Siva yang juga setiausaha agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK), berkata kajian KPPK mendapati lebih 98 peratus guru-guru di negara ini menentang cadangan itu.

Beliau mendakwa cadangan berkenaan telah menimbulkan keresahan di kalangan lebih 300,000 orang guru di seluruh negara.

Beliau berkata cadangan itu juga tidak relevan kerana ia akan melibatkan implikasi kewangan yang besar.

Siva berkata beliau akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sambutan Hari Pekerja 1 Mei ini bagi menjelaskan perkara itu.

"Kami mahu Perdana Menteri tahu apakah akibat daripada isu ini (cuti rehat tahunan) ditimbulkan dan meminta beliau campur tangan agar isu ini diberhentikan segera," katanya.

Beliau berkata KPPK juga telah menghantar sepucuk surat kepada Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad tiga hari lepas bagi melahirkan rasa kesal terhadap cadangan tersebut.

KPPK kini sedang mengadakan program dialog di seluruh negara bagi menjelaskan pelbagai isu termasuk mengenai cadangan pelaksanaan cuti rehat tahunan yang akan memansuhkan cuti penggal.

-- BERNAMA
AYB SN MOZ